



NOTIS KEPADA JURURUNDING EIA BIL. 1/2023

PENGGUNAAN SISTEM *ENVIRONMENTAL SPATIAL DATA REPOSITORY* (ESDR) BAGI PERMOHONAN BIDANG RUJUKAN *TERMS OF REFERENCE* (TOR), LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (*ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT*, EIA) DAN PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (*ENVIRONMENTAL MANAGEMENT PLAN*, EMP)

Tuan/Puan,

1. Seperti tuan/puan sedia maklum, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menambahbaik prosedur EIA bagi meningkatkan mutu penyampaian dan perkhidmatan kepada pemegang taruh termasuk jururunding EIA dan pemohon projek yang terdiri daripada agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam.
2. Salah satu penambahbaikan adalah pembangunan sistem *Environmental Spatial Data Respiratory* (ESDR) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) bertujuan untuk mengumpul maklumat projek data spatial yang terdapat di dalam Bidang Rujukan (*Term of Reference*, TOR), Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment*, EIA) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan*, EMP).
3. Hebahan penggunaan sistem ESDR telah dibuat di laman sosial Facebook Jabatan pada 29 Mac 2022 supaya penggerak projek dan jururunding EIA menggunakan sistem ini dengan mengemukakan data permohonan bermula 16 Februari 2022 sehingga 31 Januari 2023. Jabatan mendapati hanya sebanyak 248 dokumen laporan EIA dikemukakan melalui sistem ESDR

berbanding 521 laporan EIA yang diterima secara *hardcopy* oleh JAS Ibu Pejabat dan JAS negeri.

4. Sehubungan itu, tuan/puan dikehendaki membuat pengisian di sistem ESDR bagi setiap permohonan TOR, laporan EIA dan EMP yang telah dikemukakan kepada JAS Ibu Pejabat dan JAS negeri yang berkaitan bermula dari 16 Februari 2022.
5. Bagi setiap permohonan, tuan/puan perlu mengemukakan bukti pengisian di sistem ESDR iaitu salinan *screenshot* yang menunjukkan status "**HANTAR**" dari sistem ESDR semasa penghantaran TOR, laporan EIA dan EMP yang dikemukakan kepada JAS Ibu Pejabat atau JAS negeri yang berkaitan (rujuk **Lampiran A**). Kegagalan tuan/puan untuk mengemukakan bukti tersebut akan menyebabkan permohonan tuan/puan tidak akan diterima.
6. Notis ini akan berkuatkuasa serta merta pada tarikh notis ini dikeluarkan.

Maklumat lanjut, sila hubungi:

Urusetia Skim Pendaftaran Jururunding EIA
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Aras 2, Podium 3, Wisma Sumber Asli
No 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 W.P. PUTRAJAYA
Emel: skeia@doe.gov.my

Sekian.

**JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN
IKLIM
15 MAC 2023**

LAMPIRAN A

CONTOH SALINAN SCREENSHOT YANG PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA DOKUMEN *HARDCOPY* KEPADA JAS

Permohonan TOR

SENARAI PERMOHONAN TOR

Papar 10 ▼ rekod

Muat Turun Fail GIS (Shapelle) Permohonan Baru

Carian:

Bil. 1	Nama Laporan/Projek	No Fail JAS	Nama Perunding	Jenis Permohonan	Jenis Aktiviti	Pejabat Pemproses	Status	Tarikh Terima	Tarikh Tamat Plagam	Tarikh Keputusan
1	Pembangunan Premis Memproses Baja Tanaman	JAS.BHQ/600-2/4	JURURUNDING 1	Pertama	Jadual Pertama	JAS Selangor	Sah	2020-11-22	2020-11-22	
2	Pembangunan Kilang Kicap	JAS.BHQ/600-2/5	JURURUNDING 2	Pertama	Jadual Pertama	JAS Selangor	Hantar			

Dipapar 1 hingga 2 daripada 2 rekod

Permohonan EIA

SENARAI PERMOHONAN EIA

Papar 10 ▼ rekod

Muat Turun Fail GIS (Shapelle) Permohonan Baru

Carian:

Bil. 1	Nama Laporan/Projek	No Fail JAS	Nama Perunding	Jenis Permohonan	Jenis Aktiviti	Pejabat Pemproses	Status TOR	Status	Tarikh Terima	Tarikh Tamat Plagam	Tarikh Keputusan
1								Baru			
2	Pembangunan Kilang Kicap	JAS.BHQ/600-2/2	JURURUNDING 3	Pertama	Jadual Pertama	JAS Selangor	Tiada	Hantar			

Dipapar 1 hingga 2 daripada 2 rekod

Permohonan EMP

SENARAI PERMOHONAN EMP

Papar 10 ▼ rekod

Muat Turun Fail GIS (Shapelle) Permohonan Baru

Carian:

Bil. 1	Nama Laporan/Projek	No Fail JAS	Nama Perunding	Jenis Permohonan	Jenis Aktiviti	Pejabat Pemproses	Status EIA	Status	Tarikh Terima	Tarikh Keputusan	Tindakan
1	Pembangunan Kilang Kicap	JAS.BHQ/600-2/6	JURURUNDING 3	Pertama	Jadual Pertama	JAS Selangor	Ada	Hantar			

Dipapar 1 hingga 1 daripada 1 rekod